

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI AKMAL NASRULLAH BIN MOHD NASIR**  
**KAWASAN : JOHOR BAHRU**

**SOALAN NO. 49**

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan senarai kontraktor kelas G1 dan G2 yang telah mendapat tawaran bagi melaksanakan projek-projek kecil serta nilai setiap projek seperti yang diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin dengan anggaran keseluruhan peruntukan sebanyak RM2 bilion.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah menerima peruntukan tambahan sebanyak RM150 juta melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin melalui Surat Kuasa Berbelanja Melebihi Peruntukan pada 30 April 2020. Dari jumlah ini, RM100 juta telah disalurkan kepada Program Penyenggaraan Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia, RM25 juta di Sabah, Sarawak dan Labuan dan RM25 juta adalah untuk penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan dan Kuarters KKR. Peruntukan ini dipecahkan mengikut skop Berkala Pavemen, Berkala Bukan Pavemen dan Penyenggaraan Lampu Jalan dan Lampu Isyarat. Kerja- kerja tersebut dilaksanakan secara Arahan Kerja kepada syarikat konsesi dan secara Jabatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 108 kontraktor telah dilantik untuk melaksanakan projek-projek kecil di seluruh Malaysia di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya.

Sekian, terima kasih.